

13 JUN 2002

MCA-Jawatan/I

SEMUA PENYANDANG JAWATAN MCA DIKEKALKAN SATU PENGGAL LAGI

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang dijadualkan berlangsung pada 29 Jun akan menyaksikan semua penyandang jawatan dan anggota jawatankuasa pusat parti itu mengekalkan jawatan masing-masing untuk satu penggal lagi, kata Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Katanya, ini selaras dengan keputusan jawatankuasa pusat untuk mengekalkan status quo dalam parti dari peringkat bahagian hinggalah ke peringkat lebih tinggi sebagai sebahagian daripada agenda damai dan kestabilan yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak ada jawatan kosong dan tidak perlu diisi mana-mana jawatan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Biro Pendidikan MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Dr Ting berkata demikian bagi menjawab pertanyaan berhubung kedudukan penyandang jawatan MCA di peringkat kebangsaan termasuk anggota bagi badan pembuat keputusan parti, jawatankuasa pusat (CC), berikutan keputusan yang diambil untuk mengekalkan status quo dalam parti berkenaan.

Mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MCA berhubung pelaksanaan pelan perpaduan dan kestabilan itu, semua Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri, Jawatankuasa Pemuda dan Wanita MCA Negeri, Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Pemuda dan Wanita Bahagian dikehendaki mengemukakan hanya satu senarai pencalonan berdasarkan senarai anggota dilantik yang sedia ada.

Garis panduan berkenaan juga menyebut bahawa semua kekosongan jawatan yang berpunca daripada persaraan dan peletakan jawatan secara sukarela, kematian, kehilangan kelayakan dan peningkatan jumlah anggota perwakilan berikutan pertambahan jumlah anggota, perlulah diisi melalui rundingan.

Bagaimanapun, Dr Ting berkata, bagi jawatan tertinggi parti atau penyandang jawatan peringkat kebangsaan dan jawatankuasa pusat, tidak terdapat sebarang kekosongan dan semua penyandang jawatan sedia ada akan mengekalkan kedudukan masing-masing untuk satu penggal lagi.

Oleh itu, mereka dikehendaki mengemukakan kertas perncalonan masing-masing memandangkan tahun ini merupakan tahun pemilihan bagi MCA seperti yang disyaratkan oleh perlembagaan parti.

"Pencalonan perlu dilakukan bagi mematuhi peruntukan dalam perlembagaan MCA memandangkan tahun ini merupakan tahun pemilihan parti yang dijalankan tiga tahun sekali," katanya.

Beliau berkata tarikh pencalonan bagi MCA kebangsaan adalah 24 Jun dari pukul 1 tengah hari sehingga 5 petang di Wisma MCA, Jalan Ampang di sini, diikuti mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) pukul 6 petang pada tarikh dan di tempat yang sama.

Katanya, ini termasuk pencalonan bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden, empat Naib Presiden, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan anggota Jawatankuasa Pusat.

Ditanya tentang kemungkinan terdapat anggota yang tidak mengendahkan keputusan untuk mengekalkan status quo itu dan mengemukakan kertas pencalonan untuk menentang penyandang jawatan sedia ada, Dr Ting berkata: "Kita akan tunggu dan lihat".

-- BERNAMA

AT ZS SP